

MUKA DEPAN

Sajian Berita

Singapura

Luar Negara

Ekstra!

Komentar

Sukan

DUNIA CYBERITA

Badan Melayu

Bantuan Teknikal

Khidmat Iklan

Santai : 21 Ogos 2007

Mudah cetak | E-mel

BINTANG KECIL

YAKIN DIRI**Tidak kekok digabungkan dengan pelakon profesional**Oleh
Haryani Ismail

WAJAH comel dan manis ini sering menarik perhatian. Kelincahannya beraksi dan kepetahannya berbual disulami senyuman yang tidak pernah lekang daripada bibir pula membuatnya sering menjadi pilihan.

Tidak hairanlah setelah merebut gelaran Ratu Cantik Cilik bagi dua peraduan berasingan, Little Tot Singapore Cinderella 2005 dan Miss Disney Princess, Nur Syereen Islam, lapan tahun, dipilih menjayakan pementasan muzikal Broadway, The King and I, yang 'menggagarkan' pentas Esplanade hingga Ahad ini.

Nur Syereen, ketika ditemui di Esplanade baru-baru ini, memang kelihatan amat yakin diri.

Meskipun digandingkan dengan barisan pelakon antarabangsa seperti Paul Nakauchi dan Brianna Borger yang memainkan watak utama dalam muzikal tersebut, Nur Syereen, yang membawa peranan sebagai salah seorang puteri Raja Siam, tidak kekok malah menganggapnya sebagai peluang keemasan berkenalan dengan lebih ramai teman.

'Saya suka berlakon di dalam The King and I sebab saya ada tiga mama (maklumlah Raja Siam ramai isterinya) dalam muzikal ini. Saya dapat nyanyi lagu kegemaran saya, Getting To Know You

'Saya juga dapat ramai kawan. Kami selalu bergurau dan tak rasa stres.

'Setiap hari, ada yang kami belajar tentang teater. Mesti nak fokus dan dengar arahan.

'Sewaktu ke sesi uji bakat, kami diminta menyanyi dan berjalan mendabik dada dengan tangan yang kaku seperti anak-anak raja yang megah,' ceritanya, yang juga juara gimnastik Sekolah CHIJ Kellock.

Tentunya bukan mudah untuk terpilih di sesi muzikal itu.

Di kalangan ramai yang tampil untuk sesi uji bakat, hanya segelintir yang terpilih untuk menjayakan The King and I.

Mereka dipilih berdasarkan keterampilan, keyakinan diri dan kehadiran diri yang dirasakan di atas pentas.

Ditanya watak manakah yang digemarinya dalam The King and I itu, Nur Syereen ketawa, seakan-akan mengingatkan sesuatu lantas menjawab spontan:

'Raja Siam! Orangnya lucu.'

Apakah rancangan selanjutnya buat anak bongsu keluarga tiga beradik ini?

**Berita lain**

[Enggan lepaskan peluang kedua
baiki diri](#)

[Ayuh ikuti rentak sedunia](#)

'Saya akan terus menari dengan kakak saya, Syaheerah dan abang saya, Syamir.

'Kalau ada apa-apa persembahan, kakak saya selalu beritahu saya dan galakkan saya sertai. Kami ada kumpulan tarian sendiri. Nama kumpulan kami ialah 'Triple S Crew.'

'Baru-baru ini, saya juga ke pejabat Dua M untuk uji bakat. Kalau dulu saya pernah berlakon dalam program kanak-kanak Najip Ali, saya harap dapat berlakon lagi untuk saluran Suria,' tambah si cilik yang ceria dan pandai bergaya di depan kamera itu.

Wah! Nampaknya banyak betul projek adik kita ni. Sebagaimana kata ibunya, Cik Jerina Hussain:

'Sejak kecil lagi, saya dapat lihat bakatnya menari dan berlakon. Dia pernah menari tarian India di Pusat Kebudayaan NUS dan dia memang aktif berdansa hip hop dengan kakak dan abangnya.

'Saya memang selalu galakkan mereka ceburi aktiviti kesenian yang sihat. Cuma saya berpesan, jangan abaikan pelajaran.'

Dua lagi anak Cik Jerina, Syaheerah, 18 tahun, adalah pelajar Politeknik Republic, manakala Syamir, 14 tahun, pula berada di menengah tiga.

Bersama Nur Syereen, mereka pernah membuat persembahan untuk Majlis Sukan Singapura (SSC) dan Singapore Press Holdings (SPH).

[kirim pandangan anda mengenai laporan di atas](#)

Arkib

NOTA: cyBerita hanya menyimpan arkib laporan Berita selama tujuh hari.

[Dunia Digital](#) [Ekoniaga](#) [Forum](#) [Komentor](#) [Luar Negara](#) [Ekstra!](#) [Sajian Berita](#) [Singapura](#) [Sukan](#) [Santai](#) [Wak Cantuk](#)

CYBERITA

Copyright © 2005 SPH AsiaOne Ltd. All rights reserved.
[Privacy Statement](#) [Conditions of Access](#) [Advertise @ AsiaOne](#)